

07 JUN 2004

FPDA-Sokong/I

PKR SOKONG PENDIRIAN KERAJAAN "TIDAK KEPADA TENTERA ASING"

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Parti Keadilan Rakyat (PKR) menyambut baik pendirian yang diambil oleh kerajaan Malaysia yang membantah cadangan kemungkinan pengeralahan pasukan tentera asing pimpinan AS untuk memerangi pengganas di rantau Asia Tenggara dan melakukan rondaan di Selat Melaka.

"Kami juga menyokong bahawa tidak perlu bagi Malaysia untuk menyemak semula Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) dan penglibatannya dalam perkara itu.

"Malahan, kami menggesa kerajaan Malaysia menyemak semula Perjanjian Pertahanan AS-Malaysia, yang ditandatangani pada 1984 oleh Setiausaha Pertahanan AS ketika itu, Casper Weinberger, dan bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad," kata timbalan presidennya Dr Syed Husin Ali, dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata di sebalik beberapa permintaan yang dibuat di dalam dan luar Parlimen, kerajaan tetap enggan mendedahkan isi kandungan perjanjian itu.

"Tetapi dipercayai ia antara lain, menyediakan latihan bersama secara tetap bagi tentera udara dan darat kedua-dua negara, dan kebenaran bagi tentera laut AS menggunakan pelabuhan-pelabuhan Malaysia," katanya.

Beliau berkata pendirian yang diambil oleh kerajaan setakat ini konsisten dengan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zopfan) yang diusahakan oleh Malaysia dan dipersetujui oleh beberapa negara Asia Tenggara.

"Malangnya, konsep ini telah hampir diabaikan sekarang. Kami bimbang kehadiran tentera asing dan perjanjian pertahanan sedia ada akan dengan mudah memaksa kita terlibat bukan sahaja dengan strategi AS untuk memerangi pengganas tetapi juga, untuk jangka masa panjang, membendung ancaman dari China.

"Kami bersetuju bahawa memang perlu memerangi keganasan, tetapi

perlu dilaksanakan tanpa diskrimiansi, tanpa mengira sama ada ia dilakukan oleh orang awam atau negara. Keganasan perlu didefinisikan dengan jelas dan pengganas perlu dikenalpasti dengan tepat. Puncanya perlu ditangani," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga Menteri Pertahanan, memberitahu Persidangan Keselamatan Asia di Singapura semalam bahawa dengan membenarkan AS atau tentera asing lain memerangi keganasan di Asia Tenggara akan mendatangkan musibah dalam "peperangan ideologi" antara ekstremisme dan militan di rantau ini.

-- BERNAMA

PJR KHY RHM